




JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."  
- **Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
**Ketua Perangkawan Malaysia**

DOSM/BK/W.P.Kuala Lumpur/11.2020/Siri24

"Kementerian Wilayah Persekutuan bercadang menawarkan peluang pekerjaan di Pasar Borong Kuala Lumpur kepada golongan belia menganggur dengan gaji sebanyak RM2,400 sebulan.."  
- **YB Menteri Wilayah Persekutuan, 13 Mei 2020**




**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) merupakan penyumbang kedua (2) terbesar** kepada ekonomi nasional selepas Selangor pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM219.8 bilion** (2017: RM205.9 bilion). **Sektor Perkhidmatan dan Pembinaan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi WPKL. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM193.0 bilion (87.8 peratus)** dan **RM17.5 bilion (8.0 peratus)** kepada nilai KDNK WPKL.

Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor, WPKL, 2018

Kredit gambar: Siva Kumar

Sumber: Laporan Sosioekonomi W.P. Kuala Lumpur 2018

Penduduk : 1.9 Juta  
Kepadatan Penduduk : 7,737/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan : 1.5  
Kadar Kelahiran Kasar : 13.8  
Kadar Kematian Kasar : 4.6

Bil. Hospital : 52 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 48 buah

Bil. Katil Hospital\*  
2016 - 8,086 katil  
2017 - 9,072 katil

Bil. Doktor  
2016 - 5,335 orang  
2017 - 6,351 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 15,861 orang  
2017 - 16,554 orang



Nota:  
\*Bilangan katil termasuk W.P. Putrajaya dan W.P. Labuan

Sumber: MyLocal Stats Wilayah Persekutuan, 2018

## Jumlah dan Jenis Pelaburan yang Diluluskan di WPKL, 2016 dan 2018

Tahun	Pelaburan domestik (RM'000)	Pelaburan asing (RM'000)	Jumlah pelaburan (RM'000)
2016	179,937	9,029	188,967
2017	156,301	3,607	159,907
2018	141,433	25,632	167,065
<b>2016-2018</b>	<b>477,671</b>	<b>38,268</b>	<b>515,939</b>

MIDA melaporkan WPKL menerima jumlah **pelaburan** yang telah diluluskan bernilai **RM515.9 juta** dalam tempoh 2016-2018. Daripada jumlah tersebut, **RM477.7 juta (92.6 peratus)** diterima daripada pelaburan domestik dan **RM38.3 juta (7.4 peratus)** diterima daripada pelaburan asing.

Sumber: Laporan Sosioekonomi W.P. Kuala Lumpur 2018





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

"Kerajaan akan memperkenalkan tiga konsep baharu bagi memastikan golongan peniaga kecil yang menjadikan bazar (Ramadhan) sebagai punca pendapatan tidak akan terbeban."  
- BH Online, 8 April 2020

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2017 Dan 2018

	2017	2018
<b>Jumlah ('000)</b> Total	19,049.4	19,165.5
<b>Pelawat harian</b> Excursionist	15,491.7	15,239.8
<b>Pelancong</b> Tourist	3,557.7	3,925.7

Sumber: MyLocal Stats Wilayah Persekutuan, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerima 19.1 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 15.2 juta (79.5 peratus) merupakan pelawat harian dan 3.9 juta (20.5 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Pelawat yang Menginap di Hotel, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2016 - 2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	6,715.1	7,264.9	8,020.0
Antarabangsa	9,436.4	10,717.5	11,602.1
<b>Jumlah ('000)</b>	<b>16,151.5</b>	<b>17,982.4</b>	<b>19,622.1</b>

Sumber: MyLocal Stats Wilayah Persekutuan, 2018

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia melaporkan bahawa bilangan pelawat yang menginap di hotel, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah meningkat daripada 17.9 juta pada 2017 kepada 19.6 juta pada tahun 2018.


# BULETIN KHAS NEGERI



## Statistik Utama Tenaga Buruh, WPKL, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	844.9	824.4	20.5	68.1	2.4
2019	863.4	841.0	22.4	70.0	2.6


Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di WPKL adalah **841.0 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **70.0 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 meningkat kepada **2.6 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 2.4 peratus dicatatkan tahun 2018.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

## Penduduk Bekerja Mengikut Industri WPKL, 2019

Pada tahun 2019, Industri **perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di WPKL iaitu **197.0 ribu pekerja (23.4 peratus)** diikuti dengan industri **penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, 89.0 ribu pekerja (10.6 peratus)**. Industri **pembinaan** dan **pembuatan** masing-masing mencatatkan **81.0 ribu pekerja (9.6 peratus)** dan **68.9 ribu pekerja (8.2 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **51.8 peratus** pekerja di WPKL.



Sumber: Population Quick Info

## Unjuran Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 74.2 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 18.6 peratus dan kumpulan umur tua 7.2 peratus.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan W.P KL, 2014 & 2016

	MALAYSIA		W.P KL	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	4,585	5,228	7,620	9,073
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.6	"	8.7
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	6,141	6,958	10,629	11,692
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.2	"	4.8

Sumber: HIS, 2016

## Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, W.P Kuala Lumpur, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Apr	Mac	Apr
<b>Jumlah</b>	<b>122.7</b>	<b>122.8</b>	<b>120.3</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	136.2	137.1	137.1
Minuman Alkohol dan Tembakau	161.8	162.4	162.4
Pakaian dan Kasut	87.3	85.7	85.7
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	124.9	128.4	125.0
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	117.0	118.6	118.4
Kesihatan	116.3	117.8	117.8
Pengangkutan	120.5	111.2	99.7
Komunikasi	91.2	91.9	91.9
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	111.5	110.4	110.4
Pendidikan	125.4	127.6	127.6
Restoran dan Hotel	131.5	129.1	129.1
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	109.8	112.1	111.4

Sumber: IHP, Mac 2020

## Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan W.P KL, 2014 & 2016

	MALAYSIA		W.P KL	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b> <i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.407	0.378
<b>Insiden Kemiskinan</b> <i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.1	0.0

Sumber: HIS, 2016

## Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan W.P KL, 2016

	MALAYSIA		W.P KL
	2014	2016	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>			
<b>Terendah 40% -B40</b>		3,000	5,344
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,275	10,564
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		13,148	20,201
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>			
<b>Terendah 40% -B40</b>		2,848	5,257
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,502	10,823
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		16,088	26,306

Sumber: HIS, 2016

## Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan W.P KL, 2014 & 2016

	MALAYSIA		W.P KL	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	2,946	3,314	4,665	5,199
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	5.9	"	5.4
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	3,578	4,033	5,559	6,214
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.0	"	5.6

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi W.P Kuala Lumpur menurun 2.0 peratus pada April 2020 kepada 120.3 berbanding 122.7 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP April 2020 W.P Kuala Lumpur menurun 2.0 peratus kepada 120.3 berbanding Mac 2020.


*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*






## Statistik COVID-19 W.P Kuala Lumpur


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, W.P Kuala Lumpur




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, W.P Kuala Lumpur



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Kes Aktif COVID-19 Mengikut Zon, W.P Kuala Lumpur



### Peratusan Kes W.P Kuala Lumpur Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 28 Jun 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A


## Impak Covid-19 di WP Kuala Lumpur

### Perkhidmatan Kesihatan (Klinik Kesihatan)

**Jumlah pengunjung** yang mengunjungi klinik kesihatan telah **menurun di antara 60% hingga 80%** berbanding sebelum pelaksanaan PKP. Ini secara langsung turut mempengaruhi **jumlah**

**hasil yang menyusut 70% sebulan.** Di samping itu, tempoh masa operasi klinik telah dihadkan dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Sekiranya tempoh PKP ini berlanjutan, klinik swasta terpaksa menutup operasi buat selama-lamanya. Ini disebabkan klinik swasta tidak dapat menanggung kos operasi yang meningkat terutama pembayaran gaji pekerja, sewa premis perniagaan, utiliti, ubat-ubatan dan sebagainya. Setakat ini, tiada pemberhentian pekerja dilaporkan memandangkan ia masih mampu menanggung kos operasi meskipun menghadapi penyusutan dalam jumlah pengunjung yang datang untuk mendapatkan rawatan.



### Perkhidmatan Kesihatan (Pusat Dialisis)

Pusat Dialisis merupakan salah satu perkhidmatan yang boleh menjalankan operasi di sepanjang PKP. PKP memberi kesan terhadap perbelanjaan yang di tanggung oleh pusat dialisis tersebut. **Perbelanjaan operasi meningkat 50%** terutama dalam **pembelian Face Mask, Medical Glove dan Personal Protective Equipment (PPE) dan beberapa peralatan perubatan lain.** Bahkan termasuk perbelanjaan lain seperti pembayaran gaji pekerja, sewa premis, bil utiliti, peralatan mesin dialisis dan sebagainya. Tempoh operasi adalah dari jam 7.00 pagi hingga 4.00 petang dan bilangan pesakit yang menerima rawatan di pusat ini adalah terdiri daripada pesakit sedia ada. **Tiada tambahan pesakit baharu di sepanjang tempoh PKP.**

### Perkhidmatan Pergigian

Perkhidmatan pergigian merupakan *essential service* dan dibenarkan menjalankan operasi sepanjang tempoh PKP. Kesan yang amat ketara dialami oleh perkhidmatan ini adalah **bilangan jumlah pesakit atau pengunjung yang hadir untuk mendapatkan rawatan berkurang 70%.** Ini disebabkan **kebimbangan orang awam untuk bergerak serta sekatan jalan raya yang dijalankan oleh pihak berkuasa. Waktu operasi** dalam tempoh PKP bagi perkhidmatan pergigian telah dipendekkan dari jam **9.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Sabtu.** Terdapat juga beberapa klinik pergigian yang tidak menjalankan operasi di sepanjang tempoh PKP kerana mereka khuatir akan tahap keselamatan pekerja dan pesakit. Berikutan dengan itu, **jumlah hasil yang diperoleh sepanjang tempoh ini dianggarkan merosot sehingga 60%.**



### Perkhidmatan Perhotelan

Industri perhotelan di Kuala Lumpur dijangkakan **mengalami penyusutan dalam jumlah hasil sehingga 80% (RM162.8 juta)** akibat daripada PKP. Hotel ternama dan bertaraf 5 bintang telah mengecilkan saiz operasi bagi menampung kos pengoperasian. Di samping itu, 7,240 pekerja akan terlibat dalam penstrukturan semula pengoperasian sektor perhotelan ini. Pengusaha hotel di sekitar Kuala Lumpur menyatakan anggaran jualan bilik hanyalah 5% hingga 8% sahaja.





JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA

## Impak Covid-19 di WP Kuala Lumpur

### Perkhidmatan Pengangkutan

Penyusutan bilangan penumpang pengangkutan awam di Kuala Lumpur dianggarkan 65.1% dalam tempoh PKP. Kesan dari pengurangan bilangan penumpang ini memberi impak kepada **penyusutan hasil sehingga 20%**.

### Pengangkutan Rel

Pergerakan pengangkutan rel iaitu LRT, MRT dan *monorail* telah disusun kembali, iaitu bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi dan dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam. Purata kekerapan tempoh masa dipanjangkan kepada setiap 30 minit berbanding 5 minit sebelum ini.



### Pengangkutan Teksi dan Grab

Situasi yang sama turut dihadapi oleh pemandu teksi yang mengalami penyusutan dalam pendapatan harian RM60.00 sehari berbanding sebelum ini iaitu RM200.00 sehari.

Bebanan kewangan terpaksa ditanggung oleh pemandu teksi yang perlu membayar sewaan harian RM50.00 sehari kepada syarikat teksi termasuk kos-kos lain seperti petrol/NGV, makan & minum serta penyelenggaraan kenderaan. Perkara yang sama juga turut memberi kesan kepada **pemandu Grab yang mengalami penyusutan pendapatan harian 32%** iaitu daripada RM300.00 sehari kepada RM97.00 sehari.




### Perkhidmatan Pengangkutan (Bas Ekspres)

Pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 dan berlanjutan akan memberi kesan terhadap perkhidmatan ini. Dianggarkan 40% (39 buah syarikat) pengusaha bas memberhentikan operasi dalam tempoh PKP ini, manakala 60% (58 buah syarikat) masih menjalankan aktiviti perkhidmatan dengan mengurangkan *trip* perjalanan ke setiap destinasi di Semenanjung Malaysia. Dalam masa yang sama, **jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini turut menyusut 80%**. Ini secara langsung memberi kesan terhadap jumlah hasil harian dan bulanan. Di sepanjang tempoh PKP ini tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



### Perkhidmatan Makanan & Minuman

Larangan atau arahan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada pengusaha makanan dan minuman (F&B) yang hanya membenarkan makanan dibawa pulang (*Take Away and Delivery*) juga memberi kesan kepada sektor ini. **Dianggarkan penyusutan dalam hasil jualan sejumlah RM 232.0 juta (60%) dalam sektor ini.** Masa operasi juga dihadkan dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 malam kepada jam 7.00 pagi ke 7.00 malam sahaja. Dilihat dari aspek tenaga kerja, 170 orang (80%) pekerja gerai / kedai / warung makan telah hilang pekerjaan dalam tempoh PKP ini. Sebanyak 85% daripada tenaga kerja adalah terdiri daripada warga asing.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A




## Impak Covid-19 di WP Kuala Lumpur

### Perkhidmatan Penghantaran Makanan

Terdapat beberapa syarikat penghantaran makanan seperti *Grab Food*, *Food Panda*, *Honest Bee*, *Dahmakan* dan sebagainya telah menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan dalam mendapatkan makanan. Kerajaan juga telah membenarkan syarikat penghantaran makanan ini beroperasi semasa tempoh PKP.

Dalam tempoh PKP ini **terdapat pertambahan 50% dalam perkhidmatan mereka**. Terdapat seramai **5,100 penghantar makanan di sekitar Lembah Klang yang dapat menjana pendapatan RM765,000 sehari**. Tempoh masa operasi bagi perkhidmatan ini adalah 6 jam iaitu mengikut tempoh operasi yang dibenarkan oleh kerajaan kepada restoran dalam tempoh PKP iaitu dari jam 12.00 tengah hari hingga 6.00 petang.



### Perkhidmatan *Food Truck*

Aktiviti perniagaan *Food Truck* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerima kesan yang ketara daripada pelaksanaan PKP. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan notis meminta aktiviti perniagaan ini diberhentikan sementara sepanjang tempoh PKP selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan perniagaan *food truck* ini adalah di **Bukit Bintang, Masjid Negara, Masjid India, Jalan Dang Wangi, Taman Tasik Permaisuri, Dataran Wangsa Maju, Taman Melawati, Taman Tun Dr. Ismail** dan beberapa lokasi di sekitar Kuala Lumpur.

Terdapat **172 pengusaha *food truck* yang telah berdaftar dengan DBKL** bagi menjalankan aktiviti perniagaan. **Peniaga *food truck* ini kehilangan sumber pendapatan di sepanjang**

**tempoh PKP**. Anggaran pendapatan mereka sebelum tempoh PKP adalah RM500.00 hingga RM1,500.00 sehari.

**Kehilangan sumber pendapatan ini memberi tamparan hebat kepada peniaga *food truck* dalam memastikan kelangsungan hidup dan menyara keluarga.**

### Perkhidmatan Makanan & Minuman di R&R Lebuhraya

Pengurangan kenderaan yang melalui lebuhraya dalam tempoh PKP ini turut memberi kesan kepada peniaga di gerai kawasan Rawat dan Rehat (R&R) di lapan lebuhraya utama negara. Para peniaga tidak boleh menjalankan aktiviti perniagaan. Jumlah **kenderaan yang melalui lebuhraya menyusut di antara 40% hingga 60% berbanding sebelum PKP telah menyumbang kepada penurunan dalam pendapatan harian**. Di samping itu, peniaga terpaksa berhadapan dengan kos operasi seperti bayaran sewa, elektrik, air, gaji pekerja, cukai perniagaan 3% dan bayaran penyelenggaraan di antara RM2,000 – RM3,000 sebulan turut memberi bebanan dan tekanan kepada peniaga gerai makanan dan buah-buahan.

Bagi mengimbangi bebanan dan kos yang ditanggung oleh peniaga di kawasan R&R, pihak pengurusan lebuhraya bersetuju memberi pengecualian bayaran sewa selama tempoh PKP dilaksanakan.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di WP Kuala Lumpur

### Perkhidmatan Peruncitan Gedung Serbaneka dan Pasar Raya

Operasi peruncitan (makanan dan barangan keperluan harian) seperti kedai runcit / kedai serbaneka / pasar raya yang dikelaskan sebagai perkhidmatan *essential* terus beroperasi. Walaupun pasar raya tidak ditutup sepanjang PKP, namun ia turut mendapat tempiasnya. Pasar raya dibenarkan untuk beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Namun, ia hanya dibenarkan membuka bahagian pasar raya yang menjual barang makanan dan barangan keperluan harian sahaja. Manakala bahagian barangan isi rumah seperti pakaian, barangan elektrik dan sebagainya diarahkan untuk ditutup.



### Perkhidmatan Peruncitan Pasar Raya Besar (*Hypermarket*)

Jumlah jualan harian pasar raya yang terlibat sebelum penguatkuasaan PKP adalah tinggi kerana ramai warga Kuala Lumpur membeli barangan makanan dan keperluan harian untuk kegunaan dan stok simpanan. **Peningkatan jualan ini juga disebabkan oleh faktor kekhuatiran kekurangan bekalan makanan** dan juga pengawasan pergerakan semakin ketat dengan sekatan jalan raya yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).



**semenjak PKP.** Jumlah pembeli telah merosot kerana pasar Chow Kit dikawal ketat oleh pihak Polis/ATM berikutan terdapat peniaga dan pekerja di pasar berkenaan yang terdiri daripada warga asing. **Jumlah peniaga ayam/ikan/daging juga berkurang sehingga 30%** dan terdapat gerai yang ditutup terus memandangkan kemerosotan pembeli dan sekatan pihak berkuasa.



**Jumlah peniaga ayam/ikan/daging juga berkurang sehingga 30%** dan terdapat gerai yang ditutup terus memandangkan kemerosotan pembeli dan sekatan pihak berkuasa.



### Perkhidmatan Peruncitan Peniaga Kecil dan Penjaja

Pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada 15,000 peniaga kecil dan penjaja yang terdiri daripada peniaga dan penjaja Pasar Malam, Pasar Berbangunan dan Pasar Terbuka. DBKL hanya membenarkan peniaga kecil dan penjaja ini menjual barangan keperluan asas seperti sayur, ikan, bawang dan sebagainya. Waktu perniagaan telah dihadkan kepada semua peniaga dan penjaja ini iaitu dari jam 6.00 pagi hingga jam 6.00 petang. **Ini memberi kesan kepada pendapatan yang menyusut sebanyak 80%.**



### Perkhidmatan Peruncitan Pasar Basah/ Awam

Waktu operasi di antara jam 7.00 pagi hingga 2.00 petang. Berlakunya **peningkatan jumlah pembeli sepanjang tempoh PKP.** Ini berikutan ramai pembeli yang mematuhi arahan kawalan pergerakan dan memasak di rumah. **Jualan ayam meningkat di antara 40% - 47% sehari.** Setakat ini, barang keperluan seperti ayam/daging/ikan/sayur adalah mencukupi dan sentiasa mempunyai stok. Namun situasi di Pasar Chow Kit adalah sebaliknya. **Berlaku penurunan yang sangat mendadak dalam bilangan pembeli di pasar berkenaan**







JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA

## Impak Covid-19 di WP Kuala Lumpur

### Perkhidmatan Peruncitan Jualan Cermin Mata

Jumlah pendapatan yang diperoleh berkurangan dalam tempoh PKP. Dianggarkan



**40% penyusutan dalam jumlah pendapatan.** Pihak pengusaha mengharapkan tempoh PKP ini tidak akan berpanjangan kerana ia akan menjejaskan pendapatan mereka. Ini kerana, sepanjang tempoh PKP mereka terpaksa memberhentikan aktiviti perniagaan mereka. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

### Penutupan Kilang Perindustrian

Sejumlah 252 buah kilang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberhentikan operasi buat sementara waktu semasa tempoh PKP. **Ini secara langsung memberi kesan penurunan 15% terhadap jumlah hasil yang disumbangkan oleh sektor pembuatan.** Industri-industri yang terlibat adalah terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mana 90% adalah melibatkan



- pembuatan kertas,
- pembuatan kasut,
- pembuatan mesin,
- pembuatan roti & kek,
- pembuatan pakaian dan keluaran logam.

### Pembuatan Perabot

Kesan yang dialami oleh industri ini adalah **kemerosotan nilai jualan yang dianggarkan 10%.** Terdapat penutupan atau pemberhentian operasi sepanjang tempoh PKP. Sekiranya PKP ini dilanjutkan sehingga Jun 2020, pihak

pengusaha memaklumkan bahawa mereka akan mengalami kerugian yang lebih besar kerana perlu menanggung kos seperti pembayaran gaji pekerja yang sedang bercuti, pembayaran utiliti, penyelenggaraan mesin dan sebagainya sedangkan nilai jualan merosot. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

### Perkhidmatan Peruncitan Jualan Isi Rumah seperti Tekstil dan Karpets

Kebanyakan kedai yang terlibat dengan aktiviti perniagaan ini **tidak menjalankan operasi sepanjang tempoh PKP. Pendapatan peniaga terjejas dan dianggarkan berkurangan sehingga 70%.** Dari segi bilangan pekerja yang terlibat, dianggarkan seramai 400 orang.



### Perkhidmatan Jualan Kenderaan Bermotor Baharu

Industri jualan kenderaan automotif turut terkesan akibat daripada pelaksanaan PKP. Kesan ini boleh dilihat daripada **jumlah pendapatan yang dicatatkan oleh industri ini bagi bulan April yang menyusut sehingga 55%.**





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



### Harian Metro, 6 April 2020 (Isnin)

#### Kumpul Data Warga Gelandangan Untuk Dibantu BERNAMA



KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan akan mengumpul data lebih 500 gelandangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memudahkan kerajaan menyalurkan bantuan kepada mereka.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/563277/kumpul-data-warga-gelandangan-untuk-dibantu>

### Harian Metro, 11 April 2020 (Sabtu)

#### Peniaga Bazar Ramadan Konsep Baru di KL Diberi Insentif RM500 BERNAMA

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan akan memberi insentif RM500 kepada setiap penjaja yang menyertai konsep baharu perniagaan Ramadan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565327/peniaga-bazar-ramadan-konsep-baru-di-kl-diberi-insentif-rm500>

### Berita Harian, 12 April 2020 (Ahad)

#### Boleh Mohon Zakat Kecemasan MAIWP

Zanariah Abd Mutalib, zanariah\_mutalib@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Golongan yang terjejas pendapatan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Wilayah Persekutuan boleh memohon Bantuan Zakat Kecemasan yang disediakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bermula esok.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/676425/boleh-mohon-zakat-kecemasan-maiwp>

### Berita Harian, 5 Mei 2020 (Selasa)

#### Wajibkan Ujian Saringan Pekerja Asing, Elak Kluster Baharu COVID-19

Mohd Iskandar Ibrahim dan Farah Marshita Abdul Patah, bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Tindakan mewajibkan pekerja asing di semua sektor menjalani ujian saringan COVID-19 adalah bagi memastikan tiada kewujudan kluster baharu dalam kalangan mereka.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685479/wajibkan-ujian-saringan-pekerja-asing-elak-kluster-baharu-covid-19>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

### The Star, 10 April 2020 (Jumaat)

#### FT Minister Says KI's Homeless To Be Employed After MCO Shalini Ravindran

KUALA LUMPUR: The city's homeless population will be trained and given jobs once the movement control order (MCO) is lifted, says Tan Sri Annuar Musa.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/10/ft-minister-says-kl039s-homeless-to-be-employed-after-mco>

### Astro Awani, 12 April 2020 (Ahad)

#### Peniaga, Penjaja di Ibu Kota Sedia Untuk 'e-Bazar Ramadan' Sepanjang PKP BERNAMA



KUALA LUMPUR: Lebih 3,000 peniaga dan penjaja berlesen di sekitar ibu kota bersedia untuk melaksanakan konsep 'e-Bazar Ramadan' kepada pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-penjaja-di-ibu-kota-sedia-untuk-e-bazar-ramadan-sepanjang-pkp-237993>

### Berita Harian, 21 April 2020 (Selasa)

#### COVID-19: DBKL Wajibkan Pemborong, Pekerja Pasar Borong Kuala Lumpur Jalani Saringan

Nor Azizah Mokhtar, bhnews@bharian.com.my

PETALING JAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewajibkan semua pemborong di Pasar Borong Kuala Lumpur dan pekerja mereka untuk menjalani saringan COVID-19 dan perlu disahkan negatif sebelum dibenarkan beroperasi di pasar borong itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lokasi berkenaan.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680013/covid-19-dbkl-wajibkan-pemborong-pekerja-pasar-borong-kuala-lumpur>

### Bernama.Com, 16 Mei 2020 (Sabtu)

#### Tawar Belia Kerja di Pasar Borong KL Tepati Situasi Ekonomi Semasa - Pensyarah



KUALA LUMPUR, 16 Mei -- Isu kebergantungan kepada pekerja asing dalam pelbagai sektor ekonomi negara banyak berlaku sehingga menyebabkan negara dibanjiri warga asing yang secara tidak langsung memberi kesan negatif dalam pelbagai aspek.

[https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1842267](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1842267)

